

Konsep ZIKR, PIKR & MIKR: Pendekatan Profesional Bank Muamalat Indonesia (BMI)


MOHAMAD SABRI HARON

ABSTRACT

Despite the crisis and economic turmoil that hits many Asian countries in 1999, Bank Muamalat Indonesia (BMI) remains stable as compared to other banks. More than that BMI emerges as an established syariah bank in Indonesia. The mechanism behind this is related to the practice of the concepts of ZIKR, PIKR and MIKR. This paper discusses the concept of ZIKR, PIKR and MIKR practiced by BMI. The concept which is known as The Celestial Management is proven to be effective in short period of time since its implementation.

PENDAHULUAN

Harta ialah salah satu daripada *maqasid syari'iyah* yang wajib dipelihara. Sekalipun dari segi kedudukannya diletakkan sebagai tempat yang paling rendah berbanding agama sebagai kedudukan yang paling utama, namun harta berperanan penting sebagai landasan untuk mencapai kedudukan perkara-perkara lain termasuk akal, keturunan dan jiwa sehingga mencapai kedudukan paling tinggi iaitu agama (Mohamad Sabri 2006). Bank Muamalat Indonesia (BMI) dalam konteks ini cuba merealisasikan suatu kaedah yang disebut sebagai *The Celestial Management* atau mungkin boleh diterjemahkan sebagai Pengurusan Samawi (Langit) dengan menggunakan pendekatan harta dan perniagaan sebagai wasilah. A. Riawan Amin (2006) memetik Peter Drucker (dalam bukunya bertajuk *Managing for Result*) yang mengatakan bahawa perniagaan adalah entiti membuat untung semata-mata. Tekanan untuk menghasilkan keuntungan menyebabkan berlaku kecenderungan sifat tamak untuk mencapai keuntungan jangka pendek tanpa menghiraukan pemilik saham atau sesiapa sahaja asalkan mampu meraih keuntungan. Oleh yang demikian tidak hairanlah berlaku skandal manipulasi wang yang menggoncangkan syarikat-syarikat besar seperti World Com, Enron, Merck dan Xerox setidak-tidaknya membuktikan hal ini (A. Riawan Amin 2006).



Dalam hal ini Abraham Lincoln pernah menyatakan kebimbangan di mana hanya segelintir (*few hands*) sahaja yang menguasai harta yang memusnahkan Republik Amerika (Abdulhay 2003). Ini kerana setiap kemajuan yang dicapai menerusi sistem ekonomi kapitalis menurut Joseph A. Schumpeter (dipetik oleh A. Riawan Amin 2007) bermakna huru hara (*turmoil*) lantaran pertumbuhan ekonomi yang terus meningkat semakin tidak membawa keseimbangan. Ia ibarat belon yang menggelembung terus dimasukkan angin ke dalamnya sehingga akhirnya meletup.

Namun bentuk perniagaan seperti ini memang dipersoalkan sehingga akhirnya masyarakat melihat bahawa nilai etika (sebenarnya akhlak) dipandang sebagai perkara yang terpenting. Banyak organisasi mula menekankan tentang *values* (nilai) berbanding dengan pernyataan visi dan misi (Mokhtar Abdullah 2003). Perspektif Islam yang sememangnya syumul merangkumkan kejayaan atau matlamat yang ingin dicapai dalam kalimah *al-falah*.

KONSEP AL-FALAH


BMI menerusi pendekatan *The Celestial Management* bermatlamatkan untuk mencapai *al-falah*. Pendekatan ini meletakkan pendekatan Ilahi adalah segalanya yang mampu mencapai ketenangan dan kemudahan di dalam kehidupan dunia yang seketika cuma. Inilah pendekatan yang diusahakan dalam rangka untuk mencapai *al-falah* di dunia dan di akhirat. Pendekatan ini dihuraikan dalam tiga konsep yang setiap satunya dihuraikan dengan panjang lebar iaitu ZIKR, PIKR dan MIKR oleh Ketua Pegawai Eksekutif BMI iaitu A. Riawan Amin (2006).

ZIKR

Zikr akan menteramkan jiwa iaitu dengan mengingati Allah s.w.t. Zikr bukan sekadar ibadat namun dimensi lebih luas dari itu. Zikr membawa kedamaian dan kepuasan batiniah sambil menghapuskan penyakit rohani seperti riak, hasad, merasa diri paling bijak, paling cantik, paling berkuasa dan lain-lain sifat mazmumah seperti firman Allah s.w.t. surah al-Ra'd ayat 28 yang bermaksud:

(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia. (al-Qur'an, al-Ra'd 13: 28)

Menerusi konsep ZIKR ini, setiap huruf itu dikupas secara mendalam di mana Z ialah *Zero Base*, I ialah Iman, K ialah konsisten dan R ialah *result*.




ZERO BASE

Zero base ialah suatu konsep kejernihan yang hakiki. Mengikut kajian tentang kualiti manusia 90 peratus adalah ditentukan oleh sikapnya ketika menghadapi masalah berbanding 10 peratus adalah ditentukan oleh ilmunya. Manusia yang bersifat *zero base* akan memandang, berfikir, bertindak, membuat pilihan dan memberikan respons dengan mengembalikan segalanya kepada akar umbi dan asas permasalahan (A. Riawan Amin 2006). *Zero base* boleh juga diertikan dengan kosong, namun kosong di sini bermaksud kosong dari segala hal-hal yang negatif atau tidak suci, mengosong jiwa dari keinginan diri yang bersifat rendah yang tidak selari dengan peranannya sebagai khalifah Allah s.w.t. di muka bumi. Orang seperti ini memandang dunia dengan penuh kejernihan dan tidak terpukau dengan dunia dan tidak sombong dengan kurniaan Allah s.w.t. kepadanya termasuklah kekayaan. Individu tersebut juga tidak terlalu sedih ketika ditimpa dengan musibah atau kekurangan. Orang seperti ini juga tidak terlalu terpukau dengan masa depan dan tidak juga mengikat dirinya dengan masa lalu. Apa yang perlu baginya ialah yakin terhadap Allah s.w.t. dalam semua perkara.

IMAN

Iman yang merujuk kepada keyakinan atau kepercayaan yang teguh boleh muncul dari sesiapa sahaja. Seseorang yang yakin mampu mengubah *mission impossible* kepada *mission possible*. Dalam sejarah Islam, Zanirah iaitu seorang hamba dipukul oleh tuannya iaitu Umar al-Khattab (sebelum masuk Islam) sehingga matanya luka dan buta. Orang-orang kafir Quraisy mengejeknya dan mendakwa bahawa yang menghilangkan matanya ialah dewa Latta dan 'Uzza. Lalu dijawab oleh Zanirah "Demi Allah, tidak. Latta dan 'Uzza tidak mengenal orang yang menyembahnya, sedangkan Tuhanku dapat menyembuhkan mataku ini". Jawaban ringkas yang bijaksana itu menjadikan orang-orang yang mengejeknya takjub. Takjub bukan kerana semata-mata Zanirah berani merendahkan berhala sembah mereka tetapi keyakinan di lubuk hati Zanirah sehingga seketika Allah s.w.t. berkenan mengabulkan doa Zanirah dan ia mampu melihat seperti sedia kala (A. Riawan Amin 2006).

Menurut Stephen Covey dalam bukunya *Seven Habits* segala sesuatu bermula dari dalam fikiran yang melibatkan mental dan spiritual (dipetik oleh Fauzan Ibrahim 2008). Oleh itu semua yang kita lihat dalam dimensi fizikal berasal dari dimensi spiritual. Ini bermakna hasil yang diperolehi secara fizikal adalah lahir setelah proses dalaman pemikiran manusia. Sebagai contoh, pakaian cantik, bangunan yang hebat, muzik yang indah dan sebagainya dihasilkan setelah melalui proses usaha yang gigih dan berterusan serta keinginan yang meluap-



luap sehingga terhasil menjadi kenyataan. Tidak hairanlah bagaimana imaginasi tinggi Orville Wright dan Wilbur wright untuk terbang seperti burung mampu direalisasikan.


Dengan keinginan yang kuat akan sampai pada tujuan apabila diikuti dengan sikap positif. Pada hari ini manusia mengenali besi magnet sebagai suatu logam yang memiliki daya tarikan magnetik yang mampu menarik bahan-bahan logam lain yang berada di sekelilingnya. Apa yang menariknya daya magnet ini akan menarik logam-logam yang mempunyai cas positif dan negatif yang berlawanan dan menolak logam yang bercas yang sama. Seandainya kekuatan magnetik ini kuat maka jumlah logam-logam yang mampu ditariknya kian bertambah.

Sepatutnya mekanisme ini wajar dipraktikkan oleh manusia yang mungkin disebut sebagai mental magnet. Jika diri manusia itu mempunyai kekuatan yang positif dia akan mampu menarik sekelilingnya yang negatif bahkan seluruh alam semesta untuk mencapai matlamatnya. Orang-orang tua dahulu sering memperkukuhkan minda anak-anak dengan syair-syair selawat dan pujian-pujian yang memberangsangkan.

Muammar Ghadafi ketika masih kecil dan menjadi pengembala di gurun selalu dibisikkan oleh ibunya bahawa dia akan menjadi pemimpin besar. Kata-kata itu terus diingati dan akhirnya menjadi kenyataan sebagai pemimpin tertinggi Libya. Ghadafi mungkin tidak akan jadi pemimpin kalaulah ibunya memaki hamun dan terus menjadi negatif (A.Riawan Amin 2004). Menurut Diane L. Coutu (2005) - *'there is evidence that many successful male leaders had strong, supportive mothers and rather remote, absent fathers'*.

Zikr penting untuk membersihkan diri dari sifat negatif yang kemudiannya diisi dengan kekuatan Ilahiah. Al-Quran sejak dulu lagi memberikan pedoman bahawa kepercayaan kepada yang ghaib itu diletakkan pada urutan yang pertama sebelum solat, menafkahkan rezeki, beriman dengan al-Quran dan kitab-kitab sebelumnya serta yakin dengan kehidupan akhirat seperti firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 3-4 yang bermaksud:

Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Dan juga orang-orang yang beriman kepada Kitab al-Quran yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan Kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). (al-Qur'an, al-Baqarah 2: 3-4)




Dalam konteks BMI, kekuatan iman menjadi pengawas kepada setiap anggota untuk penampilan diri sebagai pribadi Muslim yang utuh. Iman menjadi pencetus kepada semangat juang yang tinggi yang berusaha menakluki pasaran dan merebut peluang. Sebagai contoh suatu ketika ditetapkan sasaran keuntungan Rp1 triliun banyak pihak menganggapnya mustahil atau omong-omong kosong. Kenaikan 100 peratus sasaran tersebut menyebabkan BMI dianggap berada di awangan dan tidak berpijak di bumi nyata. Namun kenyataannya sasaran yang diinginkan tersebut berhasil sekaligus membuktikan apa yang diperolehi selari dengan apa yang dipercayai (*what you get is what you believe*). Menurut A. Riawan Amin (2006), 'Iman mencipta keajaiban. Dengan iman, apa yang dipandang mustahil bisa diwujudkan'.

KONSISTEN: *ISTIQAMAH* DAN *KAAFFAH*

Konsisten ialah *istiqamah*. Al-Quran menyeru kepada semua yang beriman agar menjaga arah keimanannya tetap kepada Allah s.w.t. agar tidak ditukarkan dengan harga yang murah. Konsisten dalam menjaga arah boleh diumpamakan sebagai kereta kuda yang ditarik oleh empat ekor kuda yang berlari pada arah tujuan yang sama. Namun apabila setiap ekor kuda berlari ke arah yang berbeza pastilah kereta kuda tersebut berada dalam keadaan tidak stabil dan tidak akan sampai ke destinasi yang dituju. Sesebuah organisasi juga begitu yang disokong oleh kakitangan-kakitangannya pada arah tujuan yang pasti. Jika kakitangan melakukan tugas pada hala tuju yang salah, sekalipun mempunyai semangat kerja yang tinggi sudah tentu sesebuah organisasi akan kucar-kacir.

Ibnu Hajar al-'Asqalaniy terkesan dengan konsep air yang sentiasa mengalir pada tempat-tempat yang rendah menyeluri beratus-ratus bahkan ribuan kilometer dengan satu tujuan iaitu ke muara. Begitu halnya juga dengan Thomas A. Edison yang dilihat sebagai kegagalan demi kegagalan sehingga akhirnya berjaya mencipta mentol lampu namun beliau mengungkapkan bahawa bukannya sepuluh ribu kali gagal menemukan bahan yang sebenar untuk menghasilkan mentol, namun sepuluh ribu kali berhasil menemukan cara yang salah menghasilkan mentol yang membawanya kepada sepuluh ribu kali lebih dekat ke arah bahan yang sebenar.

Konsisten juga bukan sekadar arah dan tujuan namun juga *kaaffah* iaitu menyeluruh, melibatkan penyelarasan antara pelbagai peranan dan aspek dalam kehidupan pribadi dan organisasi. Tidak sewajarnya mengutamakan sesuatu aspek dan mengabaikan aspek yang lain.



Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; Sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata. (al-Qur'an, al-Baqarah 2: 208)


Konsisten menuntut keselarasan dalam aspek kehidupan mencakupi aspek fizikal, mental, sosial dan spiritual. Oleh yang demikian konsisten dalam dimensi *kaaffah* menghendaki penyerahan secara total yang seimbang antara jiwa dan raga, peribadi dan organisasi, karier dan rumahtangga, pendidikan dan kewangan. Apa maknanya jika bertahajud memohon kepada Allah s.w.t. tetapi keesokannya menggantung harapan kepada Feng Shui ketika berniaga. Ketika beribadat merujuk al-Quran dan al-Sunnah tetapi menggunakan kenderaan ke masjid untuk solat Jumaat menggunakan pinjaman dari bank yang mengamalkan riba. Ada yang merasa keberatan menggunakan khidmat bank syariat atas alasan tidak ikut syariat seratus peratus lalu mencari bank konvensional yang jelas riba.

Konsisten menuntut agar ada di sana keselarasan kerja dan keluarga yang suatu masa memerlukan budi bicara dan pertimbangan terhadap kakitangan. Sekalipun jasmaninya tidak di tempat kerja namun jiwanya selalu hadir untuk bersifat organisasi. Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Ahqaaf ayat 13 yang bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan, Tuhan kami adalah Allah kemudian mereka tetap beristiqamah. (al-Qur'an, al-Ahqaaf 46: 13)

RESULT ORIENTED: MENGUTAMAKAN PENCAPAIAN SASARAN

Organisasi perniagaan tidak ubah seperti pasukan olahraga iaitu mencapai kemenangan adalah *result* yang diinginkan. Dalam konteks BMI *result* yang ingin dicapai ibarat bukan sekadar institusi perniagaan tetapi juga institusi dakwah. BMI ibarat pesawat yang bertolak dari landasan (*zero base*). Bahan-bahan bakarnya ialah iman. Juruterbangnya yang konsisten menghalakan penerbangan ke destinasi yang diinginkan (*result oriented*) iaitu ke akhirat. Namun demikian bukan bermakna dunia dilupakan. Prinsipnya seperti falsafah menanam padi iaitu ketika padi (akhirat) ditanam, rumput (hasil dunia) turut tumbuh. Sebaliknya jika dunia yang dikejar, akhirat sudah pasti dilupakan sama sekali. Firman Allah s.w.t. surah al-Qasas ayat 77 yang bermaksud:




Dan tuntutan dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah Engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan. (al-Qur'an, al-Qasas 28: 77)

Cabaran terbesar ialah menyelaraskan antara elemen dunia agar terhasil keserasian dengan akhirat. Dalam hal ini akhlak adalah asas. Seperti mana organisasi lain, fokus utama pengarah ialah untuk membuat laporan kewangan bagi melihat sejauh mana keuntungan BMI. Pada tahun 1998 BMI ternyata mengalami kerugian sebanyak Rp105 juta dan ini suatu ujian besar bagi Pengarah yang baru dilantik. Namun hasil kerja keras kakitangan BMI selepas itu empat tahun berturut-turut laporan kewangan bertambah baik. Ekuiti pada tahun 1998 hanya Rp39.3 juta naik menjadi Rp174.32 juta. Salah satu langkah yang dilakukan ialah menstruktur semula organisasi yang terlalu banyak bahagian pengurusan sehingga dilihat 'gemuk' di tengah. Kesannya lebih banyak mengawal berbanding yang dikawal sehingga golongan yang 'menumpang hidup' lebih banyak berbanding yang 'mencari hidup'. Oleh yang demikian sasaran usaha tidak terfokus. Bagi mengatasi masalah ini pihak pengurusan tertinggi mengurangkan satu pertiga daripada yang sedia ada dan ini dilihat lebih terfokus untuk mencapai sasaran.

PIKR: FALSFAH BERFIKIR

Dengan berfikir manusia mampu mengetahui hukum alam yang disebut sebagai *sunnatullah*. Berfikir menjadikan manusia berkembang taraf kehidupannya. Keturunan kucing sejak beribu tahun lampau sampailah ke saat ini tetap memakan daging yang mentah. Manusia sentiasa berubah pemikirannya sentiasa mencuba ciptaan baru seperti penggunaan ketuhar gelombang mikro. Al-Quran sendiri menggalakkan manusia untuk berfikir dan mencari kekuatan mengatasi segala-galanya sehinggalah dapat menembusi angkasa lepas (Surah 55: 33). Namun manusia tidak boleh mempertuhankan akalanya kerana kemampuan manusia terbatas walau sehebat mana pun manusia tetap tidak mampu mencipta seekor nyamuk. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 26 yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya), iaitu kalau orang-orang yang beriman



maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka; dan kalau orang-orang kafir pula maka mereka akan berkata: “Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan ini?” (Jawabnya): Tuhan akan menjadikan banyak orang sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk dengan sebabnya; dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasik (al-Qur’an, al-Baqarah 2:26).


Konsep berfikir ini menghasilkan akronim PIKR di mana P mewakili *Power*, I ialah *Information*, K ialah *Knowledge* dan R ialah *Rewards*.

POWER

Bila disebut kuasa, semakin besar kekuasaan, semakin besar peluang seseorang untuk menyelewengkan untuk kepentingan dirinya. Oleh yang demikian sangat berbahaya jika *power* berada di tangan orang-orang yang tidak amanah. Sejarah merakamkan beberapa nama seperti Ferdinand Marcos, Idi Amin dan Hitler yang menyalah gunakan kuasa sehingga regim mereka tumbang. Dalam hal ini penyelesaiannya ialah dengan cara ‘berbagi *power*’ iaitu mengagihkan (*delegate*) kuasa kepada pihak lain yang berpotensi. Walau bagaimanapun pimpinan yang memberikan tugas tetap bertanggungjawab. Bilakah sesebuah *power* perlu diagihkan bergantung kepada tiga aspek:

1. Kesiediaan (*readiness*) pihak yang akan diagihkan tugas mencakupi kompetensi (kecekapan), penguasaan kemahiran dan kerelaan.
2. Rutin tugas iaitu sebanyak mana rutin tugas yang perlu diselesaikan. Semakin banyak tugas rutin (harian) tersebut semakin wajar tugas tersebut dipertanggungjawabkan kepada pemimpin.
3. Risiko iaitu semakin besar risikonya semakin memerlukan ketelitian pimpinan untuk membuat keputusan. Ini bermakna keutamaan terletak kepada pimpinan sendiri. Jika kurang risikonya tugas tersebut boleh sahaja diserahkan kepada kakitangannya.

Hasilnya kerja menjadi lebih fokus namun adakalanya juga berlaku masalah. Ini disebabkan masalah pengawasan (*control*) yang dianggap sebagai titik pusat yang membezakan antara individu dengan organisasi. Contoh yang mudah ialah apabila pimpinan tertinggi memberikan tugas untuk mengirimkan surat kepada semua bahagian maka banyak perkara yang perlu diawasi. Pertamanya adakah surat itu sampai kepada ketua bahagian dan sejauh mana



respons terhadap tugas yang diarahkan tersebut. Seterusnya sejauh manakah tindakan yang telah dilaksanakan tersebut. Sekalipun prosedurnya sudah sesuai namun pengawasan perlu sebagai pengimbangannya dan sekaligus sebagai alat untuk mengesan bila berlaku kegagalan. Di BMI budaya *control* bukan sekadar audit namun diperluaskan ke semua bahagian. Oleh yang demikian bukan setakat rasuah dapat diketahui bahkan pemberian hadiah juga dapat diketahui dengan mudah.


INFORMATION SHARING

Adalah berbahaya membuka informasi kepada semua pihak, namun lebih berbahaya lagi menutupnya (hal 165). Maklumat ialah kumpulan data dan fakta-fakta. Aspek yang tidak kurang pentingnya ialah prospek di mana fakta dan data terus digali dan dianalisis sehingga menjadi maklumat bagi mengungkapkan prospek masa depan. Di BMI semua maklumat tidak disembunyikan tanpa ada sekatan. Hasilnya broker maklumat tidak lagi relevan kerana semua paparan maklumat dapat dilihat oleh semua orang dengan jelas.

KNOWLEDGE SHARING

Knowledge (ilmu) menjadi alat ukur untuk kejayaan. Sama ada untuk kejayaan di dunia atau di akhirat kedua-duanya memerlukan ilmu. Oleh yang demikian al-Quran begitu banyak membicarakan soal ilmu sehingga perkataan '*ilm*' terdapat 27 tempat dan perkataan '*alim*' ada 140 tempat. Secara umumnya jumlah ayat yang terlibat dengan perkataan ilmu terdapat 704 tempat. Begitu kepentingan ilmu sehingga wahyu yang pertama juga berkaitan ilmu (*iqra'*). Membentuk *knowledge* pada diri seseorang bukannya mudah. Kebiasaannya dilakukan dengan kaedah tradisional. Cara ini juga dilakukan oleh BMI. Pihak pengurusan lebih percaya kepada proses memperolehi ilmu secara bersemuka (*face to face*). Cara ini secara asasnya pengajar datang untuk menganalisis apa yang ada di dalam diri pelajarnya mengenai sesuatu ilmu. Berdasarkan pengalaman BMI terdapat dua kemungkinan:

1. Boleh memperbetulkan amalan yang salah.
2. Jika telah tepat amalan seseorang, kaedah ini boleh memperkukuhkan lagi ilmu yang sedia ada.

*REWARDS SHARING*


Setelah pengagihan *power*, *information* dan *knowledge* sampailah di hujung konsep PIKR iaitu *rewards*. *Rewards* ialah bentuk anugerah kecemerlangan yang diterima oleh para kakitangan sama ada bersifat material atau bukan material berdasarkan pencapaian mereka. Amalan di BMI para kakitangan akan menerima dua bentuk *rewards*. Pertamanya berupa bonus sebanyak 10 peratus daripada keuntungan perusahaan. Semakin besar keuntungan semakin besar bonus yang diperolehi. Bonus ini bersifat kolektif yang dibahagi sama rata dalam pasukan kerja. Keduanya berupa bonus individu berdasarkan prestasi masing-masing. Ini kerana walau pun dalam satu unit disebabkan prestasi individu tidak sama maka *rewards* juga adalah berbeza. Pencapaian prestasi akan dinilai berasaskan cawangan mana yang terbaik. Jika pencapaian cawangan X secara keseluruhannya dinilai hanya setakat C, maka kakitangan yang ada sudah tentu tidak layak untuk dinilai melebihi tahap tersebut. Oleh kerana maklumat adalah telus maka persaingan yang sihat boleh berlaku antara setiap cawangan. Bentuk *rewards* yang diberikan biasanya cawangan yang terbaik akan diberi kesempatan melawat cawangan-cawangan lain untuk bersilaturrahim. Begitu juga boleh diberikan piala pusingan berupa kereta BMW untuk pimpinan cawangan. Namun tidak semua suka sedemikian. Ada yang memilih agar diberi ruang kepada kakitangannya untuk menunaikan haji. Walau pun begitu tidak semuanya bersifat material. Ada juga *rewards* yang berupa ucapan penghargaan seperti senyuman dan ucapan terima kasih.

MIKR

Falsafah untuk menakluki. Penaklukan bukan untuk kemegahan namun untuk menegakkan keadilan dan membenters kezaliman. Thariq bin Ziyad pernah berkata: "Kita datang ke sini bukan untuk kembali. Kita hanya mempunyai dua pilihan, menaklukkan negeri ini dan kemudian menetap di sini atau kita semua binasa di tangan musuh".

Dalam konteks moden hari ini penaklukan tidak semestinya bersifat fizikal tetapi lebih bersifat mengatasi para pesaing. Sekalipun tidak ada darah yang tumpah tetapi kekuatan daya tarikan sehingga organisasi menjadi tempat tumpuan pengguna adalah suatu bentuk penaklukan.

Setelah ZIKR dan PIKR selanjutnya ialah MIKR iaitu M ialah Mujahid iaitu menurut bahasa Indonesia disebut *militant*, I ialah Intelek, K ialah Kompetitif dan R ialah Regeneratif.



MUJAHID

Mujahid mestilah bersifat berani dan terlatih. Mujahid bersemangat waja dan mempunyai daya juang yang tinggi, bersemangat tidak takut mati. Kematian hanyalah jalan yang akan mendekatkan kepada Allah s.w.t. dan meraih janjinya.

Dalam konteks BMI sikap mujahid semestinya menjadi teras bagi setiap kakitangan. Kakitangan semestinya bersemangat tinggi untuk berjuang memperkukuhkan ekonomi umat Islam di mana BMI adalah sebagai suatu wadah. Mereka mesti ikhlas dan bersabar, konsisten dan tidak pernah putus asa. Di samping mereka juga mesti terlatih dan berketrampilan dalam tugas berpasukan. Pada masa yang sama juga mereka mestilah bersemangat untuk memperdalamkan ilmu seperti kata Thariq bahawa mereka hadir untuk menang bukan untuk gagal.


INTELEK: BERAKAL DAN MENGHARGAI PERBEZAAN

Intelek mampu memberikan penyelesaian kepada organisasi dan masyarakat. (surah 58:11). Mereka dianggap pandai kerana menggunakan akalinya. Intelek menggunakan semua *knowledge* dan *skills* yang diperlukan. Mujahid yang tertutup matanya akan mudah dihancurkan musuh. Orang intelek menghargai perbezaan pendapat sesama intelek (Surah 49:13). Di samping itu mereka sentiasa meningkatkan nilai tambah.

KOMPETITIF

Kakitangan yang kompetitif akan membawa organisasi berdaya saing. Semakin besar perniagaan semakin besar birokrasi bukannya perniagaan, ini melambatkan keputusan. Terdapat dua keunggulan utama iaitu keunggulan kompetitif (*competitive advantage*) dan keunggulan komparatif (*comparative advantage*). Keunggulan kompetitif umumnya bercirikan penguasaan teknologi manakala keunggulan komparatif bercirikan pemilikan sumber alam.

Penguasaan teknologi tidak lepas dari kehebatan sumber manusia. Oleh itu untuk mencapai keunggulan, sumber manusia yang kompeten diperlukan. Semakin kompeten daya saing semakin tinggi. Kakitangan yang kompeten bukan sahaja menguasai ilmu dan informasi yang diperlukan tetapi juga berperanan untuk menyumbangkan hasil yang terbaik untuk organisasi. Dalam masa yang sama hubungan yang baik dengan Pencipta dan sesama manusia hendaklah dijaga dengan teliti. Faktor-faktor tersebut membentuk suatu kekuatan imej bagi



BMI sebagai suatu anugerah Allah s.w.t. Sebagai bank syariah pertama yang berteraskan bank murni syariah - setelah melalui pelbagai liku dan cabaran - imejnya sebagai bank yang beridentitikan syariah menjadi nilai dan modal utama yang mampu untuk ditonjolkan dalam aspek pemasaran semua produk.

REGENERATIF

Patah tumbuh hilang berganti. Banyak organisasi tidak mampu bertahan lama. Ini ialah kerana tidak mampu memelihara dan mempertahankan keunggulan kompetitif dan mewariskannya kepada generasi berikutnya. Dan mereka sepatutnya takut kepada Allah s.w.t., andainya di belakang mereka nanti generasi yang muncul ialah generasi yang lemah seperti firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 9:

Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran) (al-Qur'an, al-Nisa' 4: 9).

Menyedari bahawa kekuatan itu wajar diwarisi oleh generasi berikutnya, maka setiap kakitangan wajar sedar untuk terus ZIKR dan PIKR.

PENUTUP


Demikian sedikit maklumat yang mampu dijelaskan menerusi konsep ZIKR, PIKR dan MIKR ini yang direalisasikan oleh BMI. Hasil kunjungan penulis ke BMI beberapa tahun lalu bersama-sama Mantan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad iaitu Datuk Abdul Manap Abdul Wahab dan beberapa kakitangan lain, kami mendapati bahawa lebah dijadikan simbol BMI sebagai suatu inspirasi yang menggambarkan konsep ZIKR, PIKR dan MIKR. Lebah hanyalah makhluk Allah s.w.t. yang kecil namun kerjasama yang begitu hebat demi untuk mencapai objektifnya, khususnya menghasilkan produk yang amat berharga kepada manusia iaitu madu. Ini difahami daripada surah al-Nahl yang khusus membicarakan mengenai organisma unik ini. Hal itu sewajarnya

diinsafi oleh manusia dan dipraktikkan kerana hakikatnya kita adalah makhluk Allah s.w.t. yang paling bertuah dan paling profesional sekiranya kita benar-benar menterjemahkan makna *khalifah fil ardh.*

RUJUKAN

- A. Riawan Amin. 2007. *Satanic Finance*. Jakarta: Tanpa Penerbit.
- A. Riawan Amin. 2006. *The Celestial Management*. Jakarta: Senayan Abadi Publishing.
- Abdulhay Y. Zalloum. 2003. *Painting Islam as the New Enemy - Globalization & Capitalism in Crisis*. Batu Caves: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.
- Diane L. Coutu. 2005. Putting leaders on the couch: a conversation with Manfred F.R. Kets de Vries. Dlm. *Harvard Business Review: On the Mind of the Leader*. Boston. Harvard Business School Press.
- Fauzan Ibrahim. 2008. The 7 habits of highly effective Muslim - ringkasan. (atas talian). <http://fauzanibrahim.wordpress.com/2008/01/15/7-habits-of-highly-effective-muslim-ringkasan/>. [31 Oktober 2008].
- Mohamad Sabri Haron. 2006. Material sebagai wasilah pembangunan masyarakat dalam konteks maqasid syariyyah. Dlm. Mohamad Sabri Haron & Johari Talib (pnyt.). *Islam Hadhari: Penjana Masyarakat Berpengetahuan*. hlm.145-158. Bangi: Pusat Pengajian Umum.
- Mokhtar Abdullah, Nooreha Hussain, Nik Mustapha Nik Hassan & Mazilan Musa. 2003. *Value-based Total Performance Excellence Model*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia.
- Sheikh Abdullah Basmeih. 1992. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (Edisi ke-5)*. Kuala Lumpur: Bahagian Islam Jabatan Perdana Menteri.

Pusat Pengajian Umum
Universiti Kebangsaan Malaysia



MALIM Bil. 10 (2009)

158

